

23 FEB 1999

Sabah-Cina (Laporan Khas)

PERPECAHAN TERBAYANG DALAM TREND PENGUNDIAN DI KALANGAN PENGUNDI CINA

Oleh: Eddy Lok

KOTA KINABALU, 23 Feb (Bernama) -- Masyarakat Cina cuma golongan minoriti di Sabah tetapi undi mereka kadang-kala menjadi penentu sama ada seseorang calon itu menang atau tewas di "Negeri Di Bawah Bayu" ini yang senario politiknya sering bergelora dan sukar diramalkan.

Sejarah politik menunjukkan kecenderungan masyarakat Cina mengalih sokongan di kalangan parti-parti berteraskan Islam dan Kadazandusun di negeri ini yang secara tradisi diselubungi persaingan antara masyarakat Islam dan bukan Bumiputera Islam bagi menguasai politik.

Situasi seperti ini mendorong pembabitan kerajaan pusat bagi meredakan keadaan yang bergelora.

Tetapi sekarang, kekuatan dan peranan mereka sebagai "penentu politik" semakin pudar selepas persempadanan semula kawasan pilihan raya oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR).

Berikutan persempadanan kawasan pilihan raya, masyarakat Islam kini menjadi majoriti di 27 daripada 48 kawasan Dewan Undangan Negeri, Kadazandusun di 13 kawasan, masyarakat Cina di tujuh kawasan dan satu kawasan mengandungi pengundi campuran kaum.

Bagi 142,801 masyarakat Cina yang berhak mengundi pada pilihan raya negeri Sabah kesembilan, tidaklah jelas parti manakah yang menjadi pilihan mereka kali ini. Terdapat 313,300 orang penduduk Cina di Sabah, kebanyakan mereka menetap di kawasan bandar.

Hampir 80 peratus daripada masyarakat Cina di Sabah dikatakan tidak bergantung kepada kerajaan untuk sara hidup dan kebanyakan mereka terbabit dalam perniagaan seperti sektor runcit atau sektor swasta.

Menurut para penganalisis, keputusan beberapa pilihan raya negeri yang lepas menunjukkan bahawa masyarakat Cina tidak ragu-ragu memberi sokongan kepada BN negeri dan tidak kurang menyokong kuat kepemimpinan pusat dan kerajaan sekarang.

Undi mereka akan menentukan sama ada calon Barisan Nasional (BN) dan calon pembangkang menang atau kalah. Selain Parti Bersatu Sabah (PBS) pimpinan Datuk Joseph Pairin Kitingan, barisan pembangkang menyaksikan kemunculan Parti Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (Bersekutu) diketuai Datuk Harris Salleh.

Kedua-dua bekas Ketua Menteri itu sebelum ini mendapat sokongan baik daripada masyarakat Cina semasa masing-masing menerajui kerajaan negeri selama kira-kira sembilan tahun.

Dalam BN negeri sahaja, ada empat parti berteraskan Cina yang bersaing bagi mendapatkan sokongan masyarakat itu. Parti-parti itu ialah Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Liberal Demokratik (LDP), MCA dan Gerakan.

Perlu diingatkan bahawa masyarakat Cina sentiasa memberi keutamaan kepada kepentingan ekonomi apabila mengundi. Kegawatan ekonomi yang melanda negara sekarang juga tidak kurang menjadi faktor.

Bekas Menteri Kabinet dalam kerajaan Berjaya, Datuk Lim Lim Guan Sing, berkata, dalam keadaan sekarang, tidak jelas trend pengundian dari kaum Cina di negeri ini.

"Tetapi di tengah-tengah senario ekonomi dan perniagaan sekarang, perpecahan undi di kalangan masyarakat Cina dijangka berlaku kerana banyak parti politik bersaing untuk meraih sokongan," kata Lim kepada Bernama.

Lim, sekarang peguam ialah bekas pemimpin masyarakat Cina.

Sebanyak 726,690 orang pengundi di Sabah layak mengundi pada pilihan raya kali ini.

Pada masa-masa lalu, masyarakat Cina membantu menentukan parti manakah yang memperolehi kuasa politik atau layak membentuk kerajaan negeri selepas pilihan raya setelah tidak ada parti politik, baik parti berteraskan Kadazandusun mahupun parti berteraskan Islam, memperolehi undi majoriti.

"Masyarakat Cina mahu kerajaan yang cekap...Setakat ini, mereka mendapat manfaat daripada langkah-langkah kerajaan bagi memulihkan ekonomi negara," kata Pengarah Eksekutif Institut Kajian Pembangunan Sabah, Dr Mohd Yaakub Haji Johari.

Sabah mencatatkan pertumbuhan 2.5 peratus tahun lalu dan pertumbuhan itu dijangka meningkat sebanyak satu peratus tahun ini.

Pilihan raya negeri kali ini merupakan yang kesembilan sejak Sabah merdeka melalui Malaysia pada 1963.

Mengikut rekod, trend pengundian menyaksikan pengundi masyarakat Islam mengundi secara satu kumpulan di satu pihak dan masyarakat Kadazandusun mengundi di pihak lain dengan ada kalanya kedua-duanya memperolehi jumlah kerusi yang sama, menyebabkan kedua-dua mereka sukar menubuhkan kerajaan.

Dalam situasi seperti inilah, undi daripada masyarakat Cina menjadi faktor menentukan parti yang akan membentuk kerajaan negeri.

Pada 1976 apabila Berjaya menundukkan Usno yang berteraskan Islam, USNO berjaya mengekalkan 16 kerusi. Pada pilihan raya umum 1985, apabila Berjaya ditumbangkan oleh PBS, Usno juga menang di 16 kawasan dan sekali lagi menunjukkan undi masyarakat Islam memihak kepada parti berteraskan Islam.

Jumlah masyarakat Cina di negeri ini jauh lebih kecil jika dibandingkan dengan negeri seperti Perak, Pulau Pinang atau Sarawak dan sejarah menunjukkan perpecahan berlaku dalam konteks memberi sokongan politik kecuali pada pilihan raya negeri 1976 dan 1981 apabila mereka memberi sokongan padu kepada Parti Berjaya.

"Seperti 1994 apabila undi masyarakat Cina berpecah, keadaan yang sama dijangka berulang pada 1999.

Pengundi kaum Cina dikatakan lebih memberi perhatian kepada isu-isu yang menyentuh kepentingan ekonomi daripada isu seperti hak negeri, kaum atau agama," menurut seorang wartawan Mohd Fauzi Patel.

Menurut Ketua Menteri Sabah yang pertama dari masyarakat Cina, Tan Sri Peter Lo, masyarakat Cina di Sabah secara tradisi menyokong BN, bermula dari Perikatan lagi.

"Yang dikehendaki oleh masyarakat Cina ialah kerajaan yang benar-benar cekap dan berkesan," kata Lo.

Ketua Pegawai Eksekutif satu daripada 12 syarikat awam di Sabah itu yakin bahawa majoriti masyarakat Cina akan menyokong BN kerana didorong oleh faktor perniagaan dan kestabilan politik.

Dalam konteks Sabah, kestabilan politik bermakna mempunyai hubungan baik dengan Kerajaan Persekutuan.

Pemimpin dari kalangan ahli perniagaan Cina belum lagi nampak menyuarakan sokongan secara terbuka kepada BN tetapi yang jelas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diberi sambutan meriah oleh masyarakat Cina semasa melawat Sabah minggu lalu.

-- BERNAMA

EL FAZ